

personaliti

Lantang bersuara demi kebajikan warga kampus

Kuala Lumpur: Biarpun pernah diuji dengan pelbagai halangan dan rintangan sepanjang menjalankan kempen ketika pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) sesi 2017/2018 tahun lalu, Nurul Ain Dolah Kamari tidak pernah berputus asa untuk memperjuangkan hak dan kebajikan pelajar di universiti berkenaan.

Kegigihan itu ternyata berbaloi apabila gadis manis yang berasal dari Ampang, Selangor itu dilantik sebagai Bendahari Kehormat MPP UPM sesi 2017/2018.

“Sebagai seorang pemimpin, saya harus lantang bersuara dan meyakinkan orang ramai terhadap kebolehan seorang wanita, lebih-lebih lagi dalam menyelesaikan masalah yang dialami oleh mahasiswa di kampus.

“Diberi mandat sebagai pemimpin pelajar bukan satu tugas mudah kerana saya perlu meyakinkan

pihak pengurusan tertinggi universiti bagi meneruskan agenda untuk merealisasikan impian seluruh warga kampus,” katanya.

profil

Nurul Ain Dolah Kamari

- **Umur:** 24 tahun
- **Tempat lahir:** Ampang, Selangor
- **Hobi:** Berbasikal
- **Program pengajian:** Ijazah Sarjana Muda Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)
- **Jawatan:** Bendahari Kehormat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Putra Malaysia (UPM) sesi 2017/2018

